



# Pertandingan IDEA KONSEP REKA BENTUK CADANGAN MEMBINA PASAR PASIR PUTEH

Pasar Pasir Puteh ialah pasar basah tradisional di Ipoh yang beroperasi sejak 1957 dan menjadi pusat perniagaan harian penduduk setempat. Pada 13 Februari 2024, pasar ini musnah hampir 90% akibat kebakaran besar, menyebabkan operasi terhenti dan peniaga terjejas.

Majlis Bandaraya Ipoh membina pasar sementara yang siap pada Julai 2025 bagi memastikan aktiviti perniagaan dapat diteruskan. Justeru itu, projek pembinaan semula pasar bertujuan memulihkan fungsinya dengan kemudahan lebih selamat, bersih dan moden, di samping menyokong ekonomi peniaga serta pembangunan bandar yang lebih terancang dan mampan.

Tarikh Buka Pendaftaran  
**25 MAC 2026**

Tarikh Tutup Pendaftaran  
**15 APRIL 2026**

## Panel Juri (Assessor)

1. Tuan A'zman bin Mohd Harun,  
(Ketua Panel Juri),  
Pengarah Kerja Awam, MBI
2. Ts. Muhammad Syahril bin Sapiran,  
Pengarah Kawalan Pembangunan, MBI
3. Ar. Abd. Shukur bin Ismail,  
Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
4. Ar. Mohammad Zaid bin Saad,  
Pengarah Bahagian Perunding  
Kawalan Pemajuan, KPKT
5. Ar. Badrul Hisham bin Mohamad Said,  
Badrul Hisham Architect
6. Ar. IDr. Tan Bee Eu  
Beu Tan Architect  
(Pemenang Pertandingan Idea Konsep  
Reka Bentuk Cadangan Menaiktaraf  
Pasar Besar Ipoh)
7. Wakil Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
8. Dua (2) wakil Panel Juri Awam  
  
Penganjur (Convener)  
Ar Noor Afandi bin Md Noor, USM  
  
Penganjur Bersama (Co-Convener)  
Ts. Rabiatul Alia binti Azmi, MBI



PASAR PASIR PUTEH, IPOH

## PEMENANG

Tempat Pertama : **RM25,000 + SIJIL**  
Tempat Kedua : **RM10,000 + SIJIL**  
Tempat Ketiga : **RM 5,000 + SIJIL**

## YURAN

**RM 150.00** bagi setiap penyertaan  
(tidak akan dipulangkan)

## SYARAT KELAYAKAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua Arkitek (Part III) yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM). Salinan pendaftaran yang masih aktif perlu dikepilkkan bersama; dan
2. Firma Arkitek berdaftar dengan Kementerian Kewangan (Kod Bidang 330201 (Arkitek)), sistem ePerolehan (eP) serta Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS). Salinan pendaftaran perlu dikepilkkan bersama
3. Penyertaan secara berkumpulan (maksima lima (5) orang sahaja), dengan syarat ketua kumpulan memenuhi keperluan perkara 1. dan 2. di atas. Semua ahli kumpulan akan diberikan sijil digital (e-certificate).
4. Tiada peserta dibenarkan dari kalangan penganjur, iaitu anggota Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), ahli Panel Juri, mahupun mana-mana sekutu atau pekerja, atau mana-mana ahli keluarga, atau mana-mana orang yang terlibat tentang persiapan atau penganjuran pertandingan ini.

Borang pendaftaran boleh dimuat turun melalui : [www.mbi.gov.my](http://www.mbi.gov.my)

Hanya peserta yang berdaftar sahaja akan menerima terma rujukan pertandingan. Sebarang pertanyaan berkaitan pertandingan perlu dihantar melalui emel sahaja kepada urusetia pertandingan di [pertandingan@mbi.gov.my](mailto:pertandingan@mbi.gov.my)

## LAMPIRAN A - BORANG PENDAFTARAN



### PERTANDINGAN IDEA KONSEP REKA BENTUK CADANGAN MEMBINA PASAR PASIR PUTEH

Nama: \_\_\_\_\_ No. Ahli LAM: \_\_\_\_\_

Nama Firma: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Kumpulan: 1) \_\_\_\_\_ 2) \_\_\_\_\_

3) \_\_\_\_\_ 4) \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

No. Telefon Pejabat: \_\_\_\_\_ No. Telefon bimbit: \_\_\_\_\_

E-Mel: \_\_\_\_\_

#### PROSES PENDAFTARAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua Arkitek (Part III) yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM); dan firma arkitek berdaftar dengan Kementerian Kewangan (Kod Bidang 330201 (Arkitek)), system ePerolehan (eP) serta Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS). Salinan pendaftaran berkaitan yang masih aktif perlu dikepilkan bersama.
2. Penyertaan secara berkumpulan (maksima lima (5) orang sahaja), dengan syarat ketua kumpulan memenuhi keperluan perkara 1 di atas. Semua ahli kumpulan akan diberikan sijil digital (*e-certificate*).
3. Setiap Borang Pendaftaran terhad kepada satu penyerahan penyertaan sahaja bagi setiap peserta. Tiada had bilangan penyertaan boleh dikemukakan oleh peserta. Walau bagaimanapun, yuran penyertaan hendaklah juga terpakai untuk setiap penyertaan tambahan.
4. Yuran pendaftaran setiap penyertaan adalah sebanyak RM 150.00 perlu dibayar kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) setelah menerima invoice. Salinan resit pembayaran perlu dikemukakan. Akuan penerimaan penyertaan beserta nombor penyertaan dan terma rujukan pertandingan akan dikeluarkan setelah penganjur menerima salinan resit pembayaran peserta.
5. Proses pendaftaran dijalankan melalui e-mel kepada urusetia pertandingan; (Sila nyatakan tajuk: **Pertandingan Idea Konsep Reka Bentuk Cadangan Membina Pasar Pasir Puteh**)
6. Tarikh tutup pendaftaran adalah pada **15 April 2026, jam 12:00pm.**

#### Untuk kegunaan urusetia pertandingan

Diterima oleh:

Tarikh:

Nombor penyertaan: